

INFORMAN

1. Tuan Haji Hassan bin Wahid: Beliau berkelulusan Sijil Tinggi Persekolahan. Mula bertugas sebagai Pembantu Peribadi (P.A) Dato' Harun Taib, Setiausaha Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah pada Disember 1999. Beliau bertugas secara sepenuh masa dengan PAS dan memegang jawatan Setiausaha Bilik Gerakan PAS Terengganu.
2. Tuan Haji Yusof bin Ali: Beliau telah dilahirkan pada 1 Januari 1958. Mendapat ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya pada tahun 1994. Beliau pernah berkhidmat sebagai guru selama 10 tahun. Mulai tahun 1994 beliau telah berkhidmat dengan kerajaan negeri dengan menyandang pelbagai jawatan, antaranya sebagai Penolong Pentadbir Tanah, Penolong Setiausaha (Pentadbiran), Penolong Setiausaha (Hal Ehwal Agama), Penolong Setiausaha (Hisbah dan Tugas-tugas Khas), Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN). Sekarang beliau bertugas sebagai Penolong Setiausaha (Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah).
3. Mohd Yusof bin Muda: Beliau telah dilahirkan di Kampung Wakaf Beruas, Kuala Terengganu pada 12 Oktober 1955. Mendapat pendidikan di peringkat Malaysian Certificate of Education (MCE). Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan negeri selama 24 tahun. Mula bertugas sebagai Pembantu Tadbir di Dewan Undangan Negeri Terengganu pada tahun 1992. Jawatan beliau sekarang ialah sebagai Ketua Kerani dan beliau

bertanggungjawab menguruskan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri (Exco) dan juga persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu